

Novel pilihan generasi muda

KUALA LUMPUR - Novel menjadi antara pilihan bahan bacaan utama rakyat Malaysia terutama generasi muda.

Menurut Perpustakaan Negara Malaysia, pada tahun lalu subjek yang paling mendapat perhatian pembaca di perpustakaan ialah novel/fiksyen yang mendominasi peratus pinjaman tertinggi dengan 57.6 peratus atau 775,554 naskhah setahun.

Pakar Psikologi Universiti Putra Malaysia Dr Siti Irma Fadhilah Ismail berkata, rata-rata golongan muda di negara ini menjadikan novel sebagai bahan bacaan utama bila kebosanan dan ada antara mereka menjadikannya sebagai hobi.

Ini katanya, kerana isi kandungan novel yang santai, ditambah pula dengan pendekatan baharu berkonsep 'Fixi' iaitu karya baharu yang bersifat urban dan masa kini, serta tidak membebankan fikiran, membuatkan mereka memilih untuk membacanya.

"Individu yang membaca novel dapat mencetuskan imaginasi yang tinggi dengan watak-watak yang disediakan dalam novel," katanya.

Siti Irma Fadhilah berkata, otak memerlukan kepelbagaian bagi menyelesaikan masalah dan dengan membaca novel, individu dapat berfikir di luar dari kebiasaan untuk buat keputusan dan selesaian masalah.

Sementara itu, pelajar jurusan Media Komunikasi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Nur Sarah Ismail, 23, yang meminati novel 'Fixi' berkata, novel itu mempunyai pendekatan segar kerana gaya penulisannya menarik dan boleh dikait dengan kehidupan belia.

"Novel Fixi ini mengajak pembaca turut sama menjelajah dunia imaginasi dan berfikir cara penyelesaian misteri dalam novel tersebut," katanya.

Siswazah Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) Nur Fareeda Ahmad, 20, berkata, dia memperuntukkan untuk beli dua buah novel dalam sebulan.

Nur Fareeda berkata, membaca novel juga dapat meningkatkan penguasaan bahasanya di samping menjadikan dirinya seorang yang lebih matang dalam berfikir. -Bernama



Novel keluaran Karangkrif paling laris di pasaran.